

Industri pelancongan dalam penjanaan ekonomi negara membangun satu kajian literatur

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada industri pelancongan sebagai salah satu sektor yang mampu menjana pendapatan lumayan dan meningkatkan ekonomi negara, terutama kepada negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Secara khususnya, diskusi kajian membuktikan Pesta Malaysia, Tahun Melawat Malaysia, Cuti-Cuti Malaysia, dan Rumah Terbuka Malaysia menjadi salah satu konsep atau pendekatan ciri-ciri budaya yang boleh menarik perhatian pelancong untuk datang ke Malaysia. Kesimpulannya, pembangunan produk budaya Melayu dalam sektor industri pelancongan bukanlah sesuatu yang mudah. Masyarakat Melayu boleh dikatakan tidak begitu mempunyai kemahiran dan keupayaan yang lain selain daripada mengeluarkan produk budaya. Sebagaimana sebab ini, dapat ditunjukkan bahawa produk budaya Melayu dalam pelancongan terdiri daripada perkara-perkara kegiatan seharusnya (utilitarian goods) atau folkgoods seperti menganyam tikar, buluh dan rotan, raga, dan bubu.